

# Kerajaan terus komited ringankan beban rakyat

Tiga Kertas Pertimbangan, dua Kertas Makluman isu berkaitan kos sara hidup turut dibentang

Oleh Muhammad Yusri Muzamir  
yusri.muzamir@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan terus komited dalam agendanya untuk meringankan beban kos sara hidup rakyat, termasuk mengambil pelbagai langkah intervensi bagi mengatasi isu kekurangan beras, gula, ayam dan akses kepada bekalan ubat.

Untuk itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Bilangan 2 Tahun 2023 di Putrajaya, semalam, turut mengumumkan beberapa inisiatif ke arah itu.

Antaranya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) diarah menjadi agensi pengedar Beras Putih Tempatan (BPT), terutama bagi kawasan pedalaman.

Anwar berkata, langkah itu sebagai usaha mengurangi kesulitan kepada rakyat dalam dapatkan bekalan beras susulan pelbagai langkah diumumkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, kelmarin.

Sejak lebih dua bulan lalu seluruh negara mengalami isu kekurangan BPT sehingga menimbulkan keresahan dalam kalangan rakyat. Ada dakwaan ia berpunca daripada ketirisan dalam rantaian pengeluaran iaitu daripada pesawah, pengilang pem-



Kerajaan komited terus program intervensi menerusi inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Agro MADANI. (Foto hiasan)

borong dan peruncit.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, meskipun kadar inflasi mencatat penurunan kepada dua peratus, iaitu terendah dalam tempoh hampir dua tahun, kerajaan komited meneruskan program intervensi menerusi inisiatif Payung Rahmah dan Jualan Agro MADANI.

Inisiatif itu, katanya, diteruskan dengan kerjasama kerajaan negeri, yang memanfaatkan rakyat dalam usaha berterusan Kerajaan Perpaduan menangani isu kos sara hidup rakyat.

"Saya mengulangi penekanan agenda utama Kerajaan Perpaduan dalam meringankan beban kos sara hidup rakyat diberikan perhatian serius agar orang ramai menerima manfaat secara terus bagi setiap inisiatif dan strategi dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian melalui kenyataan media selepas mempengerusikan mesyuarat itu yang turut dihadiri dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

Yang hadir sama, menteri berkaitan serta Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali, selain pemain industri, wakil pertubuhan bukan kerajaan

(NGO), wakil pertubuhan dan ahli akademik juga Ahli Majlis NACCOL.

Anwar berkata, mesyuarat itu juga berbincang mengenai kawalan harga bagi ayam bulat standard dan telur ayam yang dilaksanakan sejak Februari 2022.

"Adalah penting supaya hala tuju kawalan harga ayam dan telur ini dapat dimuktamadkan bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan," katanya.

Anwar berkata, Kerajaan Perpaduan juga prihatin terhadap kepentingan rakyat ke atas akses bekalan ubat yang lebih kompetitif harganya supaya rakyat mengetahui harga perlu dibayar dan mampu untuk membuat pilihan.

"Menjadi keutamaan kerajaan memastikan mekanisme penjualan ubat adalah lebih telus untuk manfaat rakyat melalui mekanisme paparan harga," katanya.

Anwar berkata, kerajaan juga peka terhadap kemungkinan gangguan bekalan gula sekiranya tiada tindakan segera dilaksanakan bagi menangani isu berkaitan peningkatan harga gula mentah dunia.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, tiga Kertas Pertim-

bang dan dua Kertas Makluman menjurus isu berkaitan kos sara hidup turut dibentangkan dalam mesyuarat semalam.

Katanya, mesyuarat bersetuju semua perkara dibincangkan diperincikan oleh Kementerian masing-masing dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dalam tempoh terdekat bagi mendapatkan hala tuju serta dimuktamadkan.

Perdana Menteri berkata, mesyuarat turut ambil maklum perancangan serta pelaksanaan Pangkalan Data Utama Kerajaan (PADU) Kementerian Ekonomi.

Mesyuarat turut menerima penjelasan Bank Negara Malaysia (BNM) bahawa semua bank utama dan penyedia perkhidmatan e-dompot menerima pembayaran melalui DuitNow QR sudah mengumumkan akan terus mengecualikan fi transaksi ke atas perniagaan mikro dan kecil.

Selain itu, katanya, Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) juga akan memperuntukkan sumber bagi membantu membiayai kos ditanggung penyedia perkhidmatan pembayaran, terutama penyedia bukan bank yang terus menawarkan pengecualian penuh kepada perniagaan mikro dan kecil.